



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



KEMENTERIAN
PERUMAHAN
DAN KERAJAAN
TEMPATAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN
(2021-2025)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Terbitan 2022
Hak Cipta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Diterbitkan Oleh:
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.
Telefon: 03 - 8891 5400
Faks: 03 – 8888 3181
Laman Sesawang: www.kpkt.gov.my

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	IV
PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA.....	V
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICIER, CDO).....	VII
PRAKATA PENGURUS PROJEK	VIII
GLOSARI.....	IX
1.0 PENGENALAN	1
PENDEKATAN PEMBANGUNAN PSP	1
TADBIR URUS PEMBANGUNAN PSP	2
2.0 PENILAIAN SEMASA ORGANISASI	5
VISI DAN MISI KPKT	5
TERAS STRATEGIK	6
FUNGSI DAN PERANAN	6
EKOSISTEM PERKHIDMATAN.....	8
GAMBARAN KESELURUHAN PERSEKITARAN ORGANISASI DAN ICT	9
Perkhidmatan utama “Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai”	12
Perkhidmatan utama “Melaksanakan program/inisiatif bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam menerusi pemerkasaan komuniti yang inklusif”	16
Perkhidmatan utama “Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti”	18
Perkhidmatan utama “Menyediakan Rumah Mampu Milik, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata”	22
Perkhidmatan utama “Menyediakan dasar dan khidmat nasihat berhubung pemajuan dan pengawalseliaan perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam agar lebih bersepadu, cekap berkesan dan kos efektif”	26
Perkhidmatan utama “Menyedia dasar & khidmat nasihat mengenai perancangan, pelaksanaan & pengurusan landskap, taman & kawasan rekreasi”	30
ANALISIS JURANG ICT	33
3.0 HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN	35
PEMETAAN STRATEGI PENDIGITALAN KPKT DENGAN KERANGKA PSPSA 2021-2025.....	35
VISI DAN MISI PENDIGITALAN.....	35
TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN.....	38
STRATEGI DAN PROGRAM	38
ORGANISATIONAL LANDSCAPE MAP VIEW TO-BE.....	41
PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN DENGAN STRATEGI PERKHIDMATAN.....	41

4.0 TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN PERSEKITARAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU.....	46
STRATEGI 1: PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PENDIGITALAN	46
P1: Pembangunan Perkhidmatan Digital secara <i>End-to-End</i>	46
P2: Pemantapan Aplikasi Teras Berdasarkan Keperluan Operasi KPKT	49
P3: Pemantapan Aplikasi Sokongan berdasarkan keperluan Operasi KPKT	55
P4: Peluasan Inisiatif Perkhidmatan Digital Secara Optimum	58
P5: Pemantapan Inisiatif ke arah Masyarakat Tanpa Tunai.....	59
STRATEGI 2: PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PERKONGSIAN DATA.....	60
P1: Pembangunan Inisiatif Analitis Data Raya selari dengan Tranformasi Digital	60
P2: Peluasan Inisiatif Analitis Data Raya Dalam Memantapkan Pembuatan Keputusan	61
P3: Pengukuhan Pengurusan Keseragaman dan Integriti Data Merentasi Sektor.....	61
5.0 TERAS STRATEGIK 2: PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR DIGITAL BERSEPADU, MAMPAN DAN SELAMAT	64
STRATEGI 1: PENINGKATAN DAN PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL.....	64
P1: Naik Taraf Peralatan Dan Perisian ICT Selaras Dengan Teknologi Terkini.....	64
P2: Naik Taraf Infrastruktur Rangkaian.....	69
P3: Pelaksanaan JENDELA PPR	70
P4: Pelaksanaan Inisiatif Emerging Technologies.....	70
STRATEGI 2: PENGUKUHAN PUSAT DATA.....	71
P1: Peningkatan Penerimaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam.....	71
P2: Naik Taraf Peralatan ICT Pusat Data	72
P3: Penyelenggaraan Peralatan ICT Pusat Data	72
STRATEGI 3: PENGUKUHAN KESELAMATAN SIBER DAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN	73
P1: Pelaksanaan Security Posture Assessment (SPA)	73
P2: Perolehan Peralatan Keselamatan Siber	74
P3: Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Siber	74
P4: Peluasan Penggunaan Pusat Pemulihan Bencana.....	74
6.0 TERAS STRATEGIK 3: PEMERKASAAN TADBIR URUS PERKHIDMATAN PENDIGITALAN	77
STRATEGI 1: PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL.....	77
P1: Pemantapan Jawatankuasa Teknikal ICT @ Projek ICT Bagi Menyokong Agenda Pendigitalan	77
P2: Peluasan Pelaksanaan <i>Enterprise Architecture</i> (EA) Selari Dengan Keperluan Perkhidmatan KPKT	78
P3: Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 <i>Information Security Management System</i> (ISMS) Yang Berterusan Bagi Menjamin Keselamatan Maklumat.....	80
P4: Pembangunan dan Pemantauan PSP KPKT	80
STRATEGI 2: PEMANTAPAN DASAR, PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN	81

P1: Pembangunan Dan Penambahbaikan Dasar, Prosedur Dan Garis Panduan Berkaitan Pendigitalan Perkhidmatan.....	81
P2: Pemantapan Pemantauan Dan Pematuhan Dasar, Prosedur Serta Garis Panduan Berkaitan Pendigitalan Perkhidmatan.....	82
STRATEGI 3: PENGUKUHAN ORGANISASI PENDIGITALAN	82
P1: Pemantapan Struktur dan Kefungsian Organisasi ICT KPKT bagi Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan ICT.....	83
P2: Pemantapan Kolaborasi dan Komunikasi Organisasi ICT bagi Meningkatkan Kompetensi dan Kepakaran Perkhidmatan ICT	83
7.0 TERAS STRATEGIK 4: PENGUKUHAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL.....	85
STRATEGI 1: PEMANTAPAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PERUBAHAN.....	85
P1: Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Perubahan bagi Meningkatkan Adaptasi Perkhidmatan Digital.....	85
P2: Pelaksanaan Program Jerayawara/ <i>Outreach</i> Secara Menyeluruh Dan Berterusan.....	89
STRATEGI 2: PENINGKATAN KEPAKARAN DALAM BIDANG PERKHIDMATAN DIGITAL	90
P1: Pemantapan Keupayaan, Kompetensi Dan Pengekalan Bakat Digital.....	90
P2: Pengukuhan Jalinan Kolaborasi Strategik Antara Pihak Akademia, Industri dan Organisasi	94
STRATEGI 3: PENINGKATAN PENGIKTIRAFAN PERSIJILAN PROFESIONAL.....	94
P1: Penggalakan Penyertaan Pengiktirafan Profesional dalam Bidang Kepakaran	94
8.0 PENUTUP	100
LAMPIRAN	101
NOTASI ELEMEN DIAGRAM MYGOVEA.....	102
PENGHARGAAN	109

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2021 – 2025 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan perancangan pendigitalan KPKT bagi tempoh lima (5) tahun untuk menyokong agenda utama KPKT ke arah Malaysia Berdaya Huni atau *Liveable Malaysia*.

Pembangunan PSP 2021-2025 KPKT telah dilaksanakan dengan khidmat perundingan Bahagian Perundingan ICT dan Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU berpandukan metodologi Perancangan Strategik ICT (PerSI) dan metodologi Malaysia Government Enterprise Architecture (MyGovEA) yang dibangunkan oleh MAMPU.

PSP 2021 - 2025 KPKT telah dirangka selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dan Pelan Strategik (PS) KPKT 2021 - 2025 serta mengambil kira perancangan yang sejajar dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) demi meningkatkan kecekapan dan keupayaan personel serta mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

PSP 2021 – 2025 KPKT menggariskan empat (4) Teras Strategik, sebelas (11) Strategi dan tiga puluh dua (32) Program sebagai rujukan dan panduan kepada Jabatan dan Bahagian di bawah KPKT dalam melaksanakan pendigitalan KPKT.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah izin-Nya Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2021-2025 telah dibangunkan dan diterbitkan dengan jayanya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya Bahagian Teknologi Maklumat KPKT termasuk Pasukan Perunding daripada MAMPU atas usaha gigih dan komitmen tinggi dalam membangunkan PSP KPKT.

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Semangat dan usaha yang diberikan oleh semua pihak dalam membangunkan pelan ini amatlah dihargai walaupun kita menghadapi pelbagai dugaan berikutan penularan wabak pandemik Covid-19.

PSP 2021-2025 KPKT yang dihasilkan selari dengan inisiatif MyDIGITAL dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 telah membuktikan bahawa KPKT komited untuk meningkatkan kualiti dan mutu

sistem penyampaian perkhidmatan berteraskan teknologi dan pendigitalan dalam meneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan. Dalam mendepani ledakan era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), saya berharap agar hala tuju pendigitalan KPKT dalam tempoh lima tahun dapat direalisasikan seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Saya percaya, PSP 2021-2025 KPKT akan menjadi panduan dalam melonjakkan usaha transformasi pendigitalan meliputi aspek perancangan, pembangunan dan pelaksanaan program-program ICT di KPKT serta menyokong Pelan Strategik KPKT secara keseluruhannya.

Akhir kata, saya amat mengharapkan kerjasama jitu semua pihak dalam merealisasikan pelan ini, agar KPKT terus kekal relevan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, KPKT berjaya menghasilkan PSP 2021-2025 yang komprehensif dan inklusif selaras dengan Visi dan Misi KPKT. Saya yakin segala strategi, program dan aktiviti yang digariskan dalam PSP 2021-2025 dapat direalisasikan dengan komitmen KPKT yang sentiasa melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan berterusan melalui pembudayaan inovatif dan pemerkasaan profesionalisme ICT.

YBrs. Tuan Muhammad Razman Bin Abu Samah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Seperti yang kita semua sedia maklum, teknologi pendigitalan semakin maju (*advanced*) merangkumi *Big Data*, *Internet of Things* (IoT), perkhidmatan *server cloud* dan tonggak-tonggak lain di bawah Revolusi Industri 4.0. Justeru, pihak Kerajaan seharusnya bergerak seiring dengan perkembangan teknologi tersebut bagi memacu perkhidmatan yang efektif dan efisien kepada rakyat. Dalam hal ini, bakat dan tenaga mahir di kalangan warga KPKT harus digilap serta dibangunkan melalui program latihan yang berterusan. Program pendigitalan yang bersepadu melalui PSP 2021-2025 akan dapat mengurangkan kos operasi Kerajaan dalam jangka masa panjang serta meningkatkan daya saing negara.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan KPKT dan perunding MAMPU yang begitu komited dan berdedikasi dalam bersama-sama menggembeng tenaga dan idea untuk menghasilkan PSP 2021-2025. Adalah diharapkan agar Pelan ini dapat membantu melancarkan segala dasar, program dan aktiviti pembangunan negara selaras dengan peranan KPKT sebagai Kementerian peneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan.

Sekian terima kasih.

PRAKATA PENGURUS PROJEK

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2021-2025 KPKT.

PSP 2021- 2025 KPKT ini merupakan satu rangka kerja yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan ICT yang terancang untuk tempoh lima tahun mulai tahun 2021 sehingga 2025.

YBrs. Ts. Dr. Noor Hayati binti Hashim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Justeru, PSP ini dibangunkan dengan mengambil kira keperluan strategik dan fungsi teras Kementerian, selari dengan PSP Sektor Awam 2021-2025 dan Pelan Strategik KPKT 2021-2025.

PSP ini bertonggakkan empat teras iaitu Pengukuhan Persekitaran Perkhidmatan Digital Bersepadu; Pemantapan Infrastruktur Digital Bersepadu, Mampan dan Selamat; Pemerkasaan Tadbir Urus Perkhidmatan Pendigitalan; dan Pengukuhan Kompetensi dan Pembudayaan Digital. PSP ini membantu KPKT dalam mengenal pasti pelbagai isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan pembangunan ICT dalam mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi perkembangan teknologi terkini bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan KPKT yang bertaraf antarabangsa.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar semua program yang telah dirancang dalam PSP 2021-2025 KPKT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya selaras dengan Visi dan Misi KPKT.

Sekian, terima kasih.

GLOSARI

SINGKATAN	KETERANGAN
ACL	<i>Audit Command Language</i>
Akta 672	Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
B40	<i>Bottom 40%</i> (Terendah 40%), iaitu golongan masyarakat yang mempunyai pendapatan isi rumah 40% terendah dalam populasi sesebuah negara.
BI	Bahagian Inspektorat
BKA	Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam
BK&P atau BKew	Bahagian Kewangan dan Perolehan
BKKK atau BKK	Bahagian Kawalan Kredit Komuniti
BKM	Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKS	Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran
BKU	Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum
BL	Bahagian Kelulusan dan Pelesenan
BP	Bahagian Penguatkuasaan
BPemb	Bahagian Pembangunan
BPIS	Bahagian Promosi dan Industri Landskap
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPMM	Bahagian Perumahan Mampu Milik
BPPP	Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan
BPPS	Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta
BPPT	Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai
BPS	Bahagian Pengurusan Strata
BR	Bahagian Perancangan Perumahan
BSA	Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
BSK	Bahagian Kesejahteraan Komuniti (dikenali sebagai Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) sebelum penstrukturan semula KPKT pada 2 Ogos 2021)
BSM	Bahagian Sumber Manusia
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat
BTP	Bahagian Taman Persekutuan
BUP	Bahagian Pengurusan Perumahan
CMS	<i>Content Management System</i>

SINGKATAN	KETERANGAN
DRP	<i>Disaster Recovery Plan</i>
EA	<i>Enterprise Architecture</i>
GIS	<i>Geographic Information System</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
I-KPKT	Institut Latihan KPKT
ISMS	<i>Information Security Management System</i>
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JK	Jawatankuasa
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
JLN	Jabatan Landskap Negara
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT
JPN	Jabatan Perumahan Negara
JPSPN	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
JTI	Jawatankuasa Teknikal ICT
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KSU	Ketua Setiausaha
LAN	<i>Local Area Network</i>
LMV	<i>Landscape Map View</i>
MAMPU	Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MV	<i>Motivation View</i>
MyDIGITAL	Rangka Tindakan (<i>Blueprint</i>) Ekonomi Digital Malaysia
MyGovEA	<i>Malaysia Government Enterprise Architecture</i>
OLMV	<i>Organisational Landscape Map View</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDSA	Pusat Data Sektor Awam
PeKT	Pengerak Komuniti Tempatan
PerSI	Perancangan Strategik ICT
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PMO	<i>Project Management Office</i> (Pejabat Pengurusan Projek)
PPG	Pemegang Pajak Gadai
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PPW	Pemberi Pinjam Wang

SINGKATAN	KETERANGAN
PS	Pelan Strategik
PSICT	Pelan Strategik ICT
PSMK	Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti
PSP	Pelan Strategik Pendigitalan
PSPSA	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SLA	<i>Service Level Agreement</i>
SPA	<i>Security Posture Assessment</i>
SWCorp	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal
TPBK	Taman Persekutuan Bukit Kiara
TPPS	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
UAD	Unit Audit Dalam
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UKPKK	Unit Keurusetiaan, Penyelarasan dan Komunikasi Korporat
UPS	<i>Uninterrupted Power Supply</i>
WAF	<i>Web Application Firewall</i>
WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama



1.0 | PENGENALAN



Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN




1.0 PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) yang dahulunya dikenali sebagai Pelan Strategik ICT (PSICT), menggariskan hala tuju strategik pendigitalan agensi dan dibangunkan bagi menyokong agenda pendigitalan yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) bagi tempoh masa tertentu. PSP memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi pendigitalan bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan digital kepada rakyat.

Selaku peneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan, KPKT bertanggungjawab menyediakan ekosistem yang berlandaskan prinsip perundangan dan dasar yang holistik dan efektif. Pelan Strategik (PS) KPKT 2021-2025 mengambil kira perancangan yang sejajar dengan RMKe-12 dan SDG 2030 untuk kemakmuran masa hadapan negara dan rakyat. Selain fokus utama KPKT dalam sektor perumahan, kerajaan tempatan dan kebombaian, tumpuan turut diberikan kepada pemerksaan pewujudan ekosistem ekonomi kitaran (*circular economy*) terutamanya dalam sektor pengurusan sisa pepejal. Dalam melaksanakan fungsi utama, KPKT juga akan terus mendaya upaya komuniti untuk bersama-sama bergerak maju melalui pengukuhan peranan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) dan Pengerak Komuniti Tempatan (PeKT) sejajar dengan matlamat di bawah Dasar Komuniti Negara.

PENDEKATAN PEMBANGUNAN PSP

PSP 2021-2025 KPKT dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan khidmat perundingan Bahagian Perundingan ICT dan Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU berpandukan metodologi Perancangan Strategik ICT (PerSI) dan metodologi *Malaysia Government Enterprise Architecture* (MyGovEA). Dokumen dan laporan yang dihasilkan serta templat diagram MyGovEA yang digunakan dalam pembangunan PSP ini mengikut fasa PerSI adalah seperti **Rajah 1-1**.




Rajah 1-1: Templat Diagram MyGovEA Mengikut Fasa PerSi

TADBIR URUS PEMBANGUNAN PSP

Tadbir urus projek pembangunan PSP KPKT terdiri daripada dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT, Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPKT dan satu Pasukan Projek Pembangunan PSP 2021-2025 KPKT seperti Rajah 1-2 dan Rajah 1-3.



Rajah 1-2: Struktur Tadbir Urus PSP 2021-2025 KPKT



Rajah 1-3: Struktur Pasukan Projek Pembangunan PSP 2021-2025 KPKT

2.0 | PENILAIAN SEMASA ORGANISASI



Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2.0 PENILAIAN SEMASA ORGANISASI

Penilaian semasa persekitaran organisasi dilaksana bagi menghasilkan inisiatif ICT dalam memenuhi keperluan bisnes dan operasi KPKT. Peluang ICT yang strategik adalah merujuk kepada penggunaan ICT secara efektif yang menyokong bisnes utama KPKT.

VISI DAN MISI KPKT

Visi dan Misi KPKT adalah seperti **Rajah 2-1**.



Rajah 2-1: Visi dan Misi KPKT

TERAS STRATEGIK

PS KPKT 2021-2025 mempunyai tujuh teras strategik seperti **Rajah 2-2**.



Rajah 2-2: Teras Strategik PS KPKT 2021-2025

FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan KPKT terkini adalah seperti **Rajah 2-3**. Dokumen ini hanya memperincikan perkhidmatan 1, 2, 5, 6, 7 dan 8. Perincian bagi perkhidmatan 3 dan 4 adalah seperti dalam PSP Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta PSP PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) masing-masing.


FUNGSI DAN PERANAN KPKT



Rajah 2-3: Fungsi dan Peranan KPKT

EKOSISTEM PERKHIDMATAN

Hubungan antara perkhidmatan utama dan pihak berkepentingan yang berkaitan adalah seperti **Rajah 2-4**.



Rajah 2-4: Hubungan Perkhidmatan Utama dengan pihak berkepentingan (stakeholder)/pelanggan

GAMBARAN KESELURUHAN PERSEKITARAN ORGANISASI DAN ICT

Kaedah MyGovEA digunakan untuk menggambarkan perkaitan dan kebergantungan persekitaran organisasi dan persekitaran ICT. Rujukan boleh dibuat kepada **LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA** sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Organisational Landscape Map View (OLMV) menggambarkan secara holistik keseluruhan organisasi yang merangkumi semua perkhidmatan organisasi serta maklumat *business*, data, aplikasi dan teknologi yang terlibat. OLMV yang lengkap disediakan berdasarkan *Landscape Map View (LMV)* setiap perkhidmatan.

Rajah 2-5 merumuskan persekitaran organisasi dan ICT semasa KPKT yang telah dianalisis bagi tujuan dokumen ini.

Merujuk kepada **Rajah 2-5**, KPKT menyediakan perkhidmatan utama seperti yang tersenarai di bawah tajuk “Perkhidmatan Utama”. Perkhidmatan KPKT disampaikan melalui 11 medium perkhidmatan seperti portal, aplikasi dalam talian, aplikasi mudah alih, e-mel, media sosial, SMS/WhatsApp, telefon, faks, radio, pos, bersemuka di kaunter atau di lapangan. Secara amnya, pengguna perkhidmatan KPKT terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan dalaman dan luaran, serta rakan-rakan strategik yang berkenaan.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama KPKT, terdapat pelbagai data yang dijana, diterima, dan disimpan dalam bentuk digital (digambarkan sebagai objek berwarna biru dalam **Rajah 2-5**) dan bukan digital (digambarkan sebagai objek berwarna kuning dalam **Rajah 2-5**). Penyampaian perkhidmatan utama KPKT disokong oleh aplikasi teras, aplikasi sokongan dan aplikasi luaran seperti yang disenaraikan di bawah tajuk “Sistem Aplikasi Yang Menyokong Perkhidmatan Utama” dalam **Rajah 2-5**. Aplikasi-aplikasi ini disokong oleh perkakasan yang ditempatkan di pejabat kementerian/agensi, pejabat JLN dan tiga buah pusat data seperti yang digambarkan di bawah tajuk “Teknologi” dalam **Rajah 2-5**.

Perkhidmatan utama “Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai”

Pandangan holistik perkhidmatan “Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai” digambarkan oleh LMV dalam **Rajah 2-6**.

Rajah 2-6 menunjukkan bahawa terdapat tiga perkhidmatan di bawah perkhidmatan utama “Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai” yang di bawah tanggungjawab BKK, iaitu:

- perkhidmatan mengawal selia aktiviti PPW dan PP;;
- perkhidmatan memastikan perlindungan kepada peminjam dan pemajak; dan
- perkhidmatan memastikan perlindungan bagi barangan pajakan dan cagaran oleh PPG.

Ketiga-tiga perkhidmatan ini disampaikan melalui perkhidmatan kaunter, secara dalam talian, melalui e-mel, aplikasi mudah alih, dan pos kepada pelanggan luaran yang terdiri daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, syarikat PPG, syarikat PPW, orang awam, agensi kerajaan, dan institut pengajian tinggi awam (IPTA).


Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, BKK berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Bank Negara Malaysia, dan Jabatan Insolvency.

Secara umumnya, perkhidmatan utama ini akan tercetus apabila terdapat:

- permohonan lesen dan permit iklan;
- aduan mengenai syarikat PPW atau PPG; atau
- arahan pengurusan atasan KPKT.

Bagi menyampaikan perkhidmatan utama ini, BKK bergantung kepada data luaran seperti profil syarikat, maklumat tapisan polis, maklumat insolvensi, maklumat PBT, maklumat transaksi, dan maklumat status AMLA. Buat masa ini, hanya maklumat profail syarikat dan maklumat insolvensi yang boleh didapati secara digital daripada agensi yang berkenaan. Manakala BKK mempunyai data digital dalaman Maklumat Pemegang Lesen dan Maklumat Pinjaman dan Pajakan.

Penyampaian perkhidmatan utama ini disokong oleh tiga aplikasi teras iaitu Sistem eMAPS, aplikasi mudah alih i-Kredikom, dan aplikasi mudah alih i-Gadaian; serta aplikasi sokongan Sistem Aduan Bersepadu. Kesemua sistem aplikasi ini disokong oleh pelayan Windows Server 2012 dan pangkalan data Oracle 11g.



Rajah 2-6: LMV Perkhidmatan “Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai”

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Perkhidmatan utama “Melaksanakan program/inisiatif bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam menerusi pemeraksanaan komuniti yang inklusif”

Pandangan holistik perkhidmatan ini adalah seperti yang digambarkan oleh LMV dalam **Rajah 2-7**.


Perkhidmatan utama “Melaksanakan program/inisiatif bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam menerusi pemeraksanaan komuniti yang inklusif” terletak di bawah tanggungjawab BSK dan terdiri daripada dua perkhidmatan iaitu perkhidmatan “Pembasmian Kemiskinan Komuniti” dan perkhidmatan “Mendaya Upaya Komuniti”.

Kedua-dua perkhidmatan ini disampaikan oleh BSK kepada pelanggan luaran tunggal iaitu komuniti B40, dan pelanggan dalaman yang terdiri daripada pengurusan atasan KPKT, komuniti dan Sekretariat Muafakat Komuniti; melalui e-mel, telefon, surat menyurat, dan pemantauan di lapangan.

Perkhidmatan “Pembasmian Kemiskinan Komuniti” akan tercetus apabila terdapat permohonan program pembasmian kemiskinan komuniti, manakala perkhidmatan “Mendaya Upaya Komuniti” akan tercetus apabila terdapat permohonan untuk menjalankan program mendaya upaya komuniti.

Kebanyakan data yang menyokong perkhidmatan utama ini adalah dalam bentuk manual atau *hardcopy*. Data profil daripada sistem eKasih merupakan satu-satunya data digital yang menyokong penyampaian perkhidmatan utama ini.

Walau bagaimanapun, dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, BSK menggunakan aplikasi dalaman Bizkomuniti dan AduanICT; dan aplikasi luaran eKasih, MyProjek, DDMS, MyMESYUARAT, dan iGFMAS.



Rajah 2-7: LMV Perkhidmatan “Melaksanakan program/inisiatif bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam menerusi pemerksaan komuniti yang inklusif”

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Perkhidmatan utama “Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti”

Perkhidmatan utama “Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti” terletak di bawah tanggungjawab JKT. LMV yang menggambarkan pandangan holistik perkhidmatan utama ini adalah seperti **Rajah 2-8**.

Merujuk kepada **Rajah 2-8**, terdapat tiga perkhidmatan di bawah perkhidmatan utama “Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti”, iaitu:

- perkhidmatan pembangunan dasar, akta, garis panduan, dan pekeliling berkaitan PBT;
- perkhidmatan pemberian khidmat nasihat dan rundingan kepada PBT; dan
- perkhidmatan pemberian, pemantauan, penilaian keberhasilan bantuan kewangan kepada PBT.

Ketiga-tiga perkhidmatan ini disampaikan secara bermesyuarat, melalui perkhidmatan dalam talian, e-mel, *mobile apps*, dan surat kepada pelanggan luaran yang terdiri daripada kerajaan negeri (SUK), PBT, individu, dan syarikat.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, JKT berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Air Negeri, JBPM, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Kesihatan Negeri, PDRM, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), PLANMalaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Biro Pengaduan Awam (BPA), SWCorp, Jabatan Pengairan Saliran, Pejabat Tanah dan Jajahan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains, dan Agensi Nuklear Malaysia.


Perkhidmatan pembangunan dasar, akta, garis panduan atau pekeliling berkaitan PBT akan tercetus apabila terdapat arahan daripada pengurusan atasan KPKT atau permintaan daripada pihak berkepentingan.

Perkhidmatan pemberian khidmat nasihat dan rundingan kepada PBT akan tercetus apabila terdapat permohonan rundingan daripada PBT atau pengaduan isu dan masalah yang diterima sama ada secara dalam talian mahupun melalui *mobile apps*.

Perkhidmatan pemberian, pemantauan, penilaian keberhasilan bantuan kewangan kepada PBT akan tercetus apabila terdapat permohonan rundingan atau permohonan peruntukan kewangan daripada PBT.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, JKT menggunakan dan menjana data digital sepenuhnya. JKT mendapat maklumat kewangan, perjawatan PBT dan hasil dalam digital daripada sistem aplikasi luaran seperti sistem *MyIdentity*, *SisPAA*, *MalaysiaBiz*, dan *MySikap*.

Penyampaian perkhidmatan utama ini disokong oleh 11 sistem aplikasi dalaman dan empat sistem aplikasi luaran. Sistem aplikasi dalaman kebanyakannya dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP, disokong oleh pelayan *Apache Web Server* dan pangkalan data MySQL atau MariaDB.



Rajah 2-8: LMV Perkhidmatan “Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti”

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Perkhidmatan utama “Menyediakan Rumah Mampu Milik, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata”

Pandangan holistik perkhidmatan utama “Menyediakan Rumah Mampu Milik, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata” digambarkan oleh LMV dalam **Rajah 2-9**. Secara umumnya, perkhidmatan utama ini terletak di bawah tanggungjawab BR, JPN dan TPPS.

Terdapat lima perkhidmatan di bawah perkhidmatan utama ini, iaitu:

- perkhidmatan pemantauan projek perumahan swasta;
- perkhidmatan perancangan dan pemantauan projek perumahan awam;
- perkhidmatan permohonan program skim perumahan;
- perkhidmatan penyelesaian tuntutan pembeli rumah;
- perkhidmatan penyelesaian pengurusan strata.

Kesemua perkhidmatan ini disampaikan melalui kaedah bersemuka, melalui aplikasi dalam talian, e-mel, telefon, portal, aplikasi *WhatsApp*, SMS dan sosial media kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti pengurusan atasan KPKT, Badan Pengurusan Bersama, agensi kerajaan persekutuan dan negeri, Perbadanan Pengurusan, pemaju perumahan, Perbadanan Pengurusan Subsidiari, ejen pengurusan, orang awam, badan bukan kerajaan (NGO), dan pembeli/pemilik rumah.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, KPKT berkolaborasi dengan beberapa rakan strategik seperti *National Property Information Centre* (NAPIC) serta penyedia perumahan swasta dan awam.


Secara umumnya penerimaan arahan pengurusan atasan, aduan atau permohonan permit iklan (*Advertising Permit*, AP) dan/atau lesen pemaju (*Developer License*, DL) akan mencetus proses kerja perkhidmatan pengurusan projek perumahan swasta.

Penerimaan permohonan program perumahan pula akan mencetus proses kerja perkhidmatan perancangan & pemantauan projek perumahan awam dan/atau perkhidmatan permohonan program skim perumahan.

Di TPPS, penerimaan pemfailan kes tuntutan pembeli rumah akan mencetus proses kerja perkhidmatan penyelesaian tuntutan pembeli rumah, manakala penerimaan pemfailan kes tuntutan pengurusan strata akan mencetus proses kerja perkhidmatan penyelesaian pengurusan strata.

Kesemua data dalaman bagi penyampaian perkhidmatan utama ini adalah berbentuk digital, manakala hanya data pelesenan yang merupakan data digital daripada pihak luar. Penyampaian perkhidmatan utama ini masih banyak bergantung kepada data luaran dalam bentuk bukan digital (digambarkan sebagai objek data luaran yang berwarna kuning dalam **Rajah 2-9**).

Walau bagaimanapun, penyampaian perkhidmatan ini disokong oleh lapan sistem aplikasi dalaman dan lima sistem aplikasi luaran. Aplikasi-aplikasi dalaman dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dengan *framework* Laravel, dan disokong oleh pangkalan data MySQL.



Rajah 2-9: LMV Perkhidmatan “Menyediakan Rumah Mampu Milik, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata”

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Perkhidmatan utama “Menyediakan dasar dan khidmat nasihat berhubung pemajuan dan pengawalseliaan perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam agar lebih bersepadu, cekap berkesan dan kos efektif”

Pandangan holistik perkhidmatan “Menyediakan dasar dan khidmat nasihat berhubung pemajuan dan pengawalseliaan perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam agar lebih bersepadu, cekap berkesan dan kos efektif” digambarkan oleh LMV dalam **Rajah 2-10**. Perkhidmatan ini adalah di bawah tanggungjawab JPSPN.

Perkhidmatan utama ini mengandungi lima perkhidmatan seperti berikut:

- perkhidmatan penyediaan dasar Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA);
- perkhidmatan pengurusan fasiliti PSPPA;
- perkhidmatan pengawalseliaan Akta 672;
- perkhidmatan pengurusan kelulusan pelesenan;
- perkhidmatan pelaksanaan aktiviti lain berkaitan fungsi di bawah Akta 672.

Kesemua perkhidmatan ini disampaikan melalui portal JPSPN, portal KPKT, portal SWCorp, aplikasi atas talian, perkhidmatan kaunter, secara bersemuka, melalui e-mel, media sosial, talian *hotline* atau telefon kepada pihak-pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, JPSPN berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik seperti Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, PBT, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Bahagian Pelaburan Strategik Kementerian Kewangan, DagangNet, *Malaysian Productivity Corporation* (MPC), kementerian-kementerian lain dan sebagainya.

Perkhidmatan utama ini akan tercetus apabila JPSPN menerima arahan, aduan atau permohonan, serta mengikut jadual pelaksanaan operasi yang ditetapkan.

Hampir semua data dalaman yang digunakan dalam proses penyampaian perkhidmatan utama ini masih dalam bentuk bukan digital. Hanya Laporan Pengesyoran Kelulusan Lesen PSPPA dan maklumat hasil Fi Lesen PSPPA sahaja yang merupakan data dalaman yang berbentuk digital. Walau bagaimanapun, JPSPN menggunakan data digital daripada agensi luar seperti maklumat syarikat pemohon lesen PSPPA daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), penyata bank, maklumat kenderaan, depot, pekerja, dan rekod insolvensi syarikat serta pemilik syarikat pemohon lesen PSPPA.

Penyampaian perkhidmatan utama ini disokong oleh sistem i-Lesen yang dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan disokong oleh pelayan Apache dan pangkalan data MySQL. Selain i-Lesen, JPSPN juga menggunakan sistem-sistem aplikasi sokongan dalaman dan luaran bagi urusan harian pejabat.

Perkhidmatan utama “Menyedia dasar & khidmat nasihat mengenai perancangan, pelaksanaan & pengurusan landskap, taman & kawasan rekreasi”

Pandangan holistik perkhidmatan “Menyedia dasar & khidmat nasihat mengenai perancangan, pelaksanaan & pengurusan landskap, taman & kawasan rekreasi” atau secara ringkasnya “Perkhidmatan Pembangunan Landskap” digambarkan oleh LMV dalam **Rajah 2-11**.

Perkhidmatan ini terletak di bawah tanggungjawab JLN, dan akan tercetus sekiranya JLN menerima permohonan/peruntukan pembangunan landskap, aduan berkaitan landskap, arahan daripada pihak pengurusan, atau permohonan khidmat nasihat teknikal landskap.


Perkhidmatan ini disampaikan secara bersemuka, melalui portal JLN, e-mel, telefon atau media sosial kepada pelanggan JLN seperti agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri, PBT, komuniti, insitansi pendidikan, universiti atau orang awam.

Dalam menyampaikan perkhidmatan utama ini, JLN berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik, iaitu penggiat industri landskap yang terdiri daripada pemaju landskap, pembekal peralatan/bahan landskap, perunding landskap dan kontraktor landskap.

Kesemua data dalaman dan data luaran yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan utama ini masih lagi berbentuk bukan digital.

Walau bagaimanapun, JLN telah membangunkan dua sistem aplikasi iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Landskap (eLANDSKAP) dan aplikasi mudah alih Negara Taman Terindah, atau MyUjana. Sistem eLANDSKAP merupakan satu sistem bersepadu pengurusan maklumat landskap (merangkumi semua modul perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap di seluruh negara) secara *web based*. MyUjana pula dibangunkan sebagai satu aplikasi yang menggalakkan rekreasi dan interaksi rakyat Malaysia dengan pelancong luar

negara melalui perkongsian maklumat pembangunan landskap dan taman-taman awam di Malaysia. Kedua-dua eLANDSKAP dan MyUjana disokong oleh pelayan *Windows Server* dan pangkalan data MS SQL.



Rajah 2-11: LMV Perkhidmatan “Menyedia dasar & khidmat nasihat mengenai perancangan, pelaksanaan & pengurusan landskap, taman & kawasan rekreasi”

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada **LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA** sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

ANALISIS JURANG ICT

Hasil daripada analisis jurang ICT yang dilaksanakan, didapati bahawa:

1. Penyampaian perkhidmatan KPKT masih banyak dilaksanakan secara konvensional dan kurang pemanfaatan data. Oleh itu, cabaran utama yang dikenal pasti bagi domain aplikasi & data adalah keperluan pemerkasaan penyampaian perkhidmatan digital secara *end-to-end* dan berpacuan data.
2. Infrastruktur sedia ada didapati tidak mampan untuk menyokong keperluan semasa dan keperluan akan datang. Maka cabaran utama bagi domain infrastruktur adalah penyediaan infrastruktur dan peralatan ICT yang menyokong penerimgunaan kemunculan teknologi baharu, selamat daripada ancaman siber dan menjamin kelangsungan penawaran perkhidmatan digital.
3. Dari segi tadbir urus pula, didapati masih terdapat ruang penambahbaikan pada tadbir urus semasa, dan cabaran utama domain ini ialah keperluan pengurusan, pemantauan dan pematuhan dasar, garis panduan, proses kerja serta prosedur yang lebih berkesan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan perkhidmatan digital KPKT. Contohnya jawatankuasa yang telah lama tidak aktif perlu dilihat semula dan proses pertimbangan permohonan projek ICT semasa perlu disesuaikan dengan keperluan MyGovEA.
4. Dari segi keupayaan dan pembudayaan digital pula, didapati masih kurang pembudayaan dan adaptasi digital di kalangan warga KPKT. Maka cabaran utama bagi domain ini ialah untuk meningkatkan kepakaran pegawai dan memantapkan pembudayaan digital warga KPKT ke arah penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik dan inisiatif pendigitalan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

3.0 | HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN




Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

3.0 HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN

Hala tuju strategik pendigitalan KPKT bertujuan untuk menyokong perancangan strategik KPKT dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap serta memenuhi kehendak dan matlamat pihak yang berkepentingan pada tahun 2025.

PEMETAAN STRATEGI PENDIGITALAN KPKT DENGAN KERANGKA PSPSA 2021-2025


Pemetaan strategi pendigitalan KPKT dengan kerangka PSPSA adalah penting bagi memastikan strategi pendigitalan KPKT adalah selari dan menyokong hala tuju pendigitalan sektor awam. Pemetaan Strategi Pendigitalan KPKT dengan Kerangka PSPSA 2021-2025 adalah seperti dalam **Rajah 3-1**.



Rajah 3-1: Pemetaan Strategi Pendigitalan KPKT dengan Kerangka PSPSA 2021-2025

VISI DAN MISI PENDIGITALAN

Pendekatan MyGovEA telah digunakan untuk membantu ahli pasukan merangka visi, misi serta strategi pendigitalan KPKT yang bersesuaian. **Rajah 3-2** menggambarkan hasrat pengurusan atasan KPKT yang telah diambil kira dalam PSP ini.



Rajah 3-2: KPKT Motivation View (MV)

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.

Visi dan misi pendigitalan KPKT adalah seperti **Rajah 3-3**.



Rajah 3-3: Visi dan Misi Pendigitalan KPKT

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Teras strategik pendigitalan merupakan komponen yang penting dan utama dalam pembangunan PSP. Ia merupakan kunci utama penentuan strategi dan program yang akan dilaksanakan.


Proses normalisasi isu, cabaran dan peluang telah dilaksanakan bagi membentuk teras strategik, strategi dan program ICT. Empat teras strategik pendigitalan berserta objektif dirumuskan seperti **Rajah 3-4**.

STRATEGI DAN PROGRAM

Strategi dan program merupakan komponen utama dalam merealisasikan pelaksanaan PSP 2021-2025 KPKT berdasarkan empat teras strategik pendigitalan yang dibangunkan. Sebanyak 11 strategi dan 32 program telah dikenal pasti untuk menyokong empat teras tersebut. Ringkasan teras, strategi dan program adalah seperti **Rajah 3-5**.



Rajah 3-4: Empat Teras Strategik PSP 2021-2025 KPKT



Rajah 3-5: Ringkasan Teras, Strategi dan Program PSP 2021-2025 KPKT

ORGANISATIONAL LANDSCAPE MAP VIEW TO-BE

KPKT *Organisational Landscape Map View (OLMV) To-Be* dalam **Rajah 3-6** merumuskan persekitaran ICT KPKT akan datang, merangkumi penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi pendigitalan KPKT.

Perubahan struktur organisasi KPKT turut digambarkan dalam **KPKT OLMV To-Be** di bawah ruangan Pengguna Perkhidmatan Dalaman. Bahagian/Sektor yang baharu ditandakan dengan warna merah, manakala Sektor yang ditambah baik ditandakan dengan warna *cyan*. Begitu juga dengan sistem aplikasi; warna merah bagi yang akan dibangunkan, warna *cyan* bagi yang akan ditambah baik dan warna hitam bagi yang akan dilupuskan.


PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN DENGAN STRATEGI PERKHIDMATAN

Teras Strategik Pendigitalan KPKT telah dijajarkan dengan Teras Strategik KPKT dan PSPSA 2021-2025 bagi menyokong hala tuju strategik KPKT dalam pendigitalan sektor awam. Penjajaran tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3-7**.



Rajah 3-6 KPKT Organisational Landscape Map View (OLMV) To-Be

Nota: Rujukan boleh dibuat kepada LAMPIRAN: Notasi Elemen Diagram MyGovEA sebagai panduan notasi elemen-elemen MyGovEA dalam diagram.



Rajah 3-7: Penajajaran Teras Strategik Pendigitalan KPKT, Pelan Strategik KPKT 2021-2025 dan PSPSA 2021-2025

4.0 | TERAS STRATEGIK 1



Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

4.0 TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN PERSEKITARAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU

Teras Strategik 1 memfokuskan kepada pengukuhan persekitaran perkhidmatan digital bersepadu KPKT bagi meningkatkan perkhidmatan KPKT dan agensi dengan membangun aplikasi berimpak tinggi yang berupaya memenuhi keperluan organisasi selaras dengan teknologi terkini yang sesuai. Teras ini juga memperkukuh dan mengintegrasikan aplikasi bagi mengoptimumkan perkongsian maklumat secara bersepadu dan selamat.

Teras ini disokong oleh **dua strategi (S)** yang mengandungi **lapan program (P)** dan **53 subprogram (SP)**.

STRATEGI 1: PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PENDIGITALAN

Permerkasaan perkhidmatan pendigitalan adalah merupakan strategi bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan secara *end-to-end*. Selain itu ia juga akan menyediakan dan memperkukuhkan sistem aplikasi bagi meningkatkan penggunaan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan mematuhi dasar keselamatan siber. Strategi ini juga bertujuan untuk meningkatkan keupayaan aplikasi mengikut piawaian bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang serta memastikan perkhidmatan digital selamat dan boleh dipercayai justeru ia dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan sistem yang lebih inklusif dan menghasilkan kerja yang lebih produktif.

P1: Pembangunan Perkhidmatan Digital secara *End-to-End*

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
SP1: Pembangunan Sistem <i>Integrated Data Electronic Pawn and Lending (iDEAL)</i>	Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pengurusan lesen dan permit iklan PPW dan PPG secara <i>end-to end</i> berdasarkan keperluan dan teknologi terkini selaras dengan Akta Pemberi Pinjam Wang	Jan 2021 - Dis 2023	KPKT • BKK (Ketua) • BTM	Mei 2021 Modul permohonan lesen dan permit iklan PPW dan PPG serta modul laporan penyata transaksi siap dibangunkan. Nov 2021 Modul Pembayaran Dalam Talian dan Modul Pelaporan siap dibangunkan.	Tinggi	<i>In-house</i>

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
	1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 [Akta 81].			<p>Jun 2022 Modul Permohonan Pelbagai (Fasa 1) siap dibangunkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penambahan Pengarah • Penarikan Diri Pengarah • Perubahan Pegangan Saham • Penambahan Jenis Iklan. <p>Dis 2022 Modul Permohonan Pelbagai (Fasa 2) siap dibangunkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan Nama Syarikat • Pindah Hak Milik Syarikat • Perubahan Alamat Operasi • Perubahan Alamat Berdaftar • Pemulangan Lesen/Permit Iklan. <p>Jun 2023 Modul Aduan dan Siasatan dan Modul Pemeriksaan Premis siap dibangunkan.</p> <p>Dis 2023 Modul Pengecualian Lesen dan Modul Pindaan Jadual Perjanjian siap dibangunkan.</p>		
SP2: Pembangunan Sistem Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata (eTPS)	Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pemfailan tribunal tuntutan pengurusan strata secara <i>end-to-end</i> .	Jan 2021 – Jun 2022	KPKT • TPPS (Ketua) • BTM	Jun 2022 Modul Pemfailan dan Modul Pembayaran Dalam Talian siap dibangunkan.	Tinggi	<i>In-house</i>
SP3: Pembangunan Sistem Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (eTTPR)	Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pemfailan tribunal tuntutan pembeli rumah secara <i>end-to-end</i> .	Jun 2022 – Dis 2025	KPKT • TPPS (Ketua) BTM	Dis 2023 Pindaan Akta 118 selesai. Dis 2025 Satu sistem siap dibangunkan.	Tinggi	<i>Outsource</i>

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
SP4: Pembangunan Sistem OSC Pelesenan PBT	Menyediakan satu portal berpusat (OSC) untuk permohonan lesen PBT secara <i>end-to-end</i> .	Jun 2021 – Dis 2025	JKT • BI (Ketua) • BPM	Sept 2021 Melantik perunding kajian. Okt 2021 Melaksanakan kajian. Jan 2022 Satu kajian siap dilaksanakan. Apr 2023 Melantik pembekal. Dis 2023 Satu sistem siap dibangunkan bersama integrasi Fasa 1 (10 PBT). Dis 2024 Integrasi Fasa 2 siap dibangunkan (45 PBT). Dis 2025 Integrasi Fasa 3 siap dibangunkan (44 PBT).	Tinggi	<i>Outsource</i>
SP5: Pembangunan Sistem Housing Integrated Management System (HIMS)	Melaksanakan fungsi regulatori dengan memantau dan memastikan kepatuhan sesuatu pemajuan perumahan swasta berdasarkan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].	Jan 2021 – Dis 2025	JPN • Sektor Pengurusan (Ketua) • BPPP • BPPS • BPPT • BP • BKew • BTM	Okt 2021 Pengujian akhir selesai. Jan 2022 Sistem siap dibangunkan. Mac 2022 Migrasi data selesai.	Tinggi	<i>Outsource</i>
SP6: Pembangunan Sistem i-Lesen	Menyediakan perkhidmatan permohonan pelesenan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).	Jan 2021 – Apr 2022	JPSPN BL (Ketua) SWCorp BTM	Jul 2021 Modul selesai dibangunkan: • Modul Permohonan Lesen (PSPPA) • Modul Semakan SWCorp • Modul Pengesyoran SWCorp. Dis 2021 Modul selesai dibangunkan: • Modul Pengurusan Semakan JPSPN	Tinggi	<i>In-house</i>

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
				<ul style="list-style-type: none"> • Modul Keputusan Ketua Pengarah JPSPN • Modul Rayuan • Modul Pengurusan Pengurangan Kawasan • Modul Pengurusan Gantung/ Batal Lesen. <p>Apr 2022 Modul selesai dibangunkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Modul Pengurusan Penerimaan dan Pembayaran Atas Talian • Modul Akaun • Modul Cetakan Lesen Digital • Modul Laporan. 		
SP7: Pembangunan perkhidmatan Kredit Komuniti pintar menggunakan teknologi Artificial Intelligence (AI)	Meningkatkan dan pelbagaikan saluran perkhidmatan kepada pelanggan.	Jun 2023 – Dis 2023	KPKT • BKK (Ketua) • BTM	Dis 2023 Satu sistem siap dibangunkan.	Tinggi	Outsource
SP8: Pembangunan Sistem Sewaan Kediaman	Menyediakan platform data sewaan di Malaysia.	Jan 2023 – Dis 2025	KPKT BR	Dis 2025 Satu sistem siap dibangunkan.	Tinggi	Outsource

P2: Pemantapan Aplikasi Teras Berdasarkan Keperluan Operasi KPKT

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
SP1: Penambah-baik Aplikasi Mudah Alih i-KrediKom	Platform bagi orang awam membuat semakan syarikat Kredit Komuniti berlesen di KPKT dan membuat sebarang aduan berkenaan Kredit Komuniti sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan.	Jun 2021 – Dis 2023	KPKT • BKK (Ketua) • BTM	<p>Dis 2022 Kajian keperluan selesai dilaksanakan.</p> <p>Mac 2023 Melantik pembekal.</p> <p>Dis 2023 Aplikasi mudah alih i-KrediKom siap ditambah baik.</p>	Tinggi	Outsource

Sub program	Objektif	Tempoh Masa	Pemilik Program	Sasaran	Keutamaan	Pelaksanaan
SP2: Penambah-baikn Aplikasi Mudah Alih i-Gadaian	Platform bagi orang awam membuat semakan syarikat pajak gadai berlesen di KPKT dan membuat sebarang aduan berkenaan aktiviti pajak gadai sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan.	Jun 2021 – Dis 2023	KPKT • BKK (Ketua) • BTM	Dis 2022 Kajian keperluan selesai dilaksanakan. Mac 2023 Melantik pembekal. Dis 2023 Aplikasi mudah alih i-Gadaian siap ditambah baik.	Tinggi	<i>Outsource</i>
SP3: Penambah-baikn Sistem Integrated Data Electronic Pawn and Lending (iDEAL)	Meningkatkan perkhidmatan pengurusan lesen dan permit iklan PPW dan PPG bagi membolehkan cetakan lesen secara <i>self-print</i> dan integrasi dengan agensi lain.	Jan 2024 – Dis 2025	KPKT • BKK (Ketua) • BTM	Mac 2024 Kajian keperluan selesai dilaksanakan. Dis 2024 Modul penyediaan lesen digital siap dibangunkan. Dis 2025 Integrasi dengan jabatan dan agensi lain siap dibangunkan.	Tinggi	<i>In-house</i>
SP4: Penyelenggaraan Sistem BizKomuniti	Portal khidmat komuniti bagi memudahkan penduduk PPR membuat carian khidmat yang diberikan di dalam komuniti PPR itu sendiri.	Jan 2021 – Dis 2025	KPKT • BSK (Ketua) • BTM	Setiap tahun • 2 kali penyelenggaraan pencegahan selesai dilaksanakan. • Penyelenggaraan pembaikan selesai dilaksanakan mengikut tempoh piagam pelanggan.	Sederhana	<i>In-house</i>
